

## **Modul Hayati, Eksplorasi, Berfikir Aras Tinggi (HEBAT) Bacaan: Strategik pengajaran dan pembelajaran membaca [Strategic teaching and learning of reading through the Appreciation, Exploration and HOTS Module (HEBAT)]**

Rusdi Mat Nor, Normarini Norzan\*, Abdul Jalil Othman, Mohd Rashid Mohd Saad, Riyan Hidayat, Ahmad Rozi Abu  
*Universiti Malaya*

Received: 3 March 2018; Accepted: 1 September 2018; Published: 1 December 2018

### **Abstrak**

Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan tentang Modul HEBAT Bacaan sebagai satu strategik pengajaran dan pembelajaran membaca dalam usaha meningkatkan literasi bacaan murid sekolah menengah daripada murid Tingkatan Satu hingga murid Tingkatan Empat. Modul HEBAT bacaan adalah wardah yang disediakan oleh KPM bagi menyediakan murid untuk menjawab Literasi Bacaan PISA. Pembinaan Modul HEBAT Modul ini telah dibangunkan menggunakan pendekatan bertema dan memberi penekanan tentang teknik serta proses membaca sebagai panduan pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. Oleh itu dalam penulisan ini dibincangkan tentang pemikiran modul HEBAT bacaan, kebolehlaksanaan Modul HEBAT Bacaan dan Pedagogi Abad ke-21 (PAK 21) serta Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Secara keseluruhannya modul ini mempunyai nilai tambah dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) membaca Bahasa Melayu kerana pendekatan yang digunakan adalah menyeluruh mencakupi aspek strategik P&P, cadangan aktiviti, bahan rangsangan/ simulasi dan projek penilaian pembelajaran. Selain itu penekanan PAK 21 dan KBAT juga menjadikan modul ini lebih sesuai dengan situasi P&P masa kini.

**Kata Kunci:** Modul HEBAT Bacaan, Membaca, Pengajaran dan Pembelajaran Membaca, Pedagogi Abad ke 21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.

### **Abstract**

*This article aims to clarify the HEBAT module (Appreciation, Exploration and HOTS) for reading. The Module is an approach to teaching and learning to read in the attempt to improve reading literacy among Secondary One to Secondary Four school students. The HEBAT module has been established by the Ministry of Education in preparing students for the PISA Reading Literacy. This module has been developed based on a thematic approach and emphasizes on the techniques and processes of reading as a guide for classroom teaching and learning. Therefore, this paper discusses the literature related to the HEBAT module, the feasibility of the HEBAT module and the 21st century pedagogies as well as Higher Order Thinking Skills (HoTS). Overall, this module has an added value towards teaching and learning of reading of the Malay language. It integrates approaches, covers the strategic aspects of teaching and learning, suggests activities, and provides stimulation and simulating materials as well as learning evaluation projects. Since the module emphasis on 21<sup>st</sup> century learning and HoTS, this module is an apt choice for the current teaching and learning situation.*

**Keywords:** HEBAT Reading Module, Reading, Teaching and Learning of Reading, 21st Century Pedagogy and Higher Order Thinking Skills.

---

\* Corresponding author: normarini@fbk.upsi.edu.my

## Pengenalan

Aspirasi sistem dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah menggariskan lima keberhasilan bagi sistem pendidikan Malaysia secara keseluruhan iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Keberhasilan kualiti aspirasi sistem pendidikan negara adalah untuk meletakkan Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa mengikut pengukuran *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) dalam tempoh 15 tahun yang akan datang. Pengukuran TIMSS dan PISA melibatkan Bacaan, Matematik dan Sains sahaja.

Penyertaan Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa seperti PISA adalah bertujuan untuk menguji kemampuan pelajar Tingkatan Empat dalam Literasi Bacaan selain Matematik dan Sains. Jika berdasarkan kepada Teori Pemeringkatan Kemahiran Membaca Chall (2000) menjelaskan bahawa murid berumur antara 14 tahun hingga 18 tahun adalah murid yang perlu mencapai tahap membaca kepelbagaian perseptif. Pada Peringkat ini, murid didedahkan dengan pelbagai pendapat dan jalan penyelesaian apabila membuat sesuatu eksperimen dengan mengulang semula apabila gagal mereka sehingga mereka menemui jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah yang dinyatakan oleh guru mereka. Kerencaman idea, pendapat dan juga jalan penyelesaian menjadi konsep utama dalam proses pengajaran guru. Sekiranya mereka tidak melepassi peringkat sebelumnya, sudah pasti pelajar tidak dapat mengikut mata pelajaran utama di sekolah dan tidak mahir membaca teks sekolah pada peringkat ini (Skebo et.al, 2013). Oleh itu pengujian Literasi Bacaan ini sesuai tahap umur murid yang diuji berdasarkan Teori Pemeringkatan Kemahiran Membaca Chall (2000).

Pada tahun 2016 hingga 2020 PPPM (2013-2025) berada pada gelombang yang kedua iaitu mempercepatkan peningkatan kemajuan sistem. Oleh itu pada tahun 2016, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyenaraikan insiatif-insiatif yang bersesuaian dan bertepatan untuk mencapai matlamat tersebut. Antara usaha KPM adalah pelaksanaan Modul HEBAT bagi Bacaan, Matematik, dan Sains sebagai salah satu usaha untuk persediaan murid tingkatan empat dalam menghadapi pengukuran PISA. Modul HEBAT Bacaan adalah salah satu Modul HEBAT yang dibangunkan untuk persiapan murid sebelum menduduki ujian PISA. Pembinaan dan pelaksanaan Modul HEBAT Bacaan di semua sekolah menengah di Malaysia merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM.

Modul ini sesuai digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga Tingkatan Empat. Modul HEBAT Bacaan ini telah dibangunkan menggunakan pendekatan bertema. Modul HEBAT Bacaan ini bertujuan untuk membantu guru-guru dalam melaksanakan P&P menggunakan pelbagai pendekatan dan strategik dalam proses membaca (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2016). Modul ini dibangunkan dengan mengambil kira semua tahap pencapaian murid daripada murid lemah sehingga murid yang cemerlang. Setiap Modul HEBAT Bacaan yang dibina berdasarkan tema akan mencakupi tiga aras mengikut tahap penguasaan bacaan murid. Tiga aras tersebut ialah aras permulaan, aras sederhana dan aras lanjutan. Modul ini memberi penekanan tentang aktiviti, teknik dan proses membaca.

## Pemikiran Modul HEBAT

Membaca merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh semua murid sama ada di peringkat rendah ataupun di peringkat menengah. Pada peringkat menengah kemahiran membaca lebih kompleks kerana teks bacaan yang digunakan mempunyai struktur bahasa dan kosa kata yang tinggi (*National Reading Panel*, 2016). Teks bacaan peringkat sekolah menengah lebih bersifat ekspositori dan argumentatif serta menjurus kepada bidang kepakaran seperti mata pelajaran matematik, sains dan teknikal. Pengkhususan genre bacaan berkait rapat dengan kemahiran untuk mengenali dan memahami struktur wacana peringkat tinggi (Paige, & Magpuri - lavell, 2014).

Kemahiran membaca di peringkat sekolah menengah berbeza dengan sekolah rendah. Berdasarkan Organization for Economic Cooperation and Development (OECD), 2006 dan National Assesment Governing Board (NAGB), 2008 menyatakan kemahiran membaca harus merangkumi

ilmu pengetahuan berguna dalam menghadapi cabaran-cabaran seperti soalan-soalan terbuka aras tinggi, penyelesaian masalah, dan juga proses membuat keputusan generasi masa hadapan. Standard kurikulum di Amerika Syarikat contohnya telah menetapkan standard membaca di sekolah-sekolah menengah adalah keupayaan murid untuk menganalisa, membuat rumusan, menghubungkan ide-ide, mengkritik dan menilai bukan sahaja bahan bacaan yang dibaca tetapi juga untuk membandingkan bahan bacaan dengan pengalaman dan juga informasi yang telah murid pelajari sebelumnya (National Assessment of Educational Progress [NAEP], 2009). Kenyataan ini turut disokong oleh Chang Lee Hoon et al, (2014) yang menyatakan bahawa Literasi dalam sains sosial juga menunjukkan keperluan untuk disemak dan dinilai dalam aspek polisi, kurikulum, pedagogi agar dapat meningkatkan pencapaian literasi mereka.

Penyertaan Malaysia dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA) pada tahun 2010 telah mengubah konsep membaca di peringkat menengah. Berdasarkan PISA, takrifan membaca ialah keupayaan memahami, menggunakan, menilai, membuat refleksi dan melibatkan diri dengan teks untuk mencapai satu matlamat, memperkembangkan pengetahuan dan potensi seseorang serta pelibatan dalam masyarakat (OECD, 2006). Bagi memastikan Malaysia mencapai kelompok sepertiga teratas dalam penaksiran antarabangsa, maka Modul Hayati, Eksplorasi, Berfikir Aras Tinggi (HEBAT) Bacaan diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyediakan murid sekolah menengah sebelum pentaksiran PISA dilaksanakan.

Modul HEBAT Bacaan yang diperkenalkan oleh KPM mempunyai persamaan dengan standard yang dikeluarkan oleh NEAP di Amerika Syarikat. Modul HEBAT Bacaan dan standard yang dikeluarkan oleh NEAP adalah untuk meningkatkan proses literasi kritis murid-murid peringkat menengah di Malaysia ataupun di Amerika Syarikat. Proses literasi kritis ini adalah satu proses yang memerlukan pemerhatian dan penelitian dua aspek pembacaan iaitu memahami teks dan konteks, menggunakan alat-alat retorik dan simbolik untuk menyampaikan maksud tersurat dan tersirat dan yang paling utama ialah keupayaan seseorang itu untuk membahaskan isu secara kritis, mengkritik sesuatu bahan bacaan dengan penuh fakta dan rasional serta membuat penilaian mengenai kebolehpercayaan dan keesahan sesuatu bahan bacaan. Berdasarkan kajian sebanyak 10 peratus sahaja murid sekolah menengah yang mempunyai kemahiran membaca tingkat pemahaman tinggi (KMTPT) dan mahir dalam literasi kritis (NEAP, 2009; OECD, 2013).

Modul HEBAT bacaan adalah wardah yang disediakan oleh KPM untuk menyediakan murid untuk menjawab Literasi Bacaan PISA. Pembinaan Modul HEBAT Bacaan ini berteraskan kepada konsep Literasi Bacaan yang ditetapkan dalam PISA. Bahan yang digunakan adalah pelbagai sama ada bahan bercetak ataupun elektronik seperti yang disyorkan dalam ujian literasi bacaan PISA. Pembinaan modul ini berdasarkan teori kognitif bacaan dan literasi bacaan. Berdasarkan teori ini literasi bacaan adalah proses untuk mendapatkan respon atau maklum balas daripada pembaca terhadap teks yang dibaca, pembaca akan menggunakan pengetahuan sedia ada (skemata) dan mengaitkan teks dengan situasi yang hampir dengan kehidupan mereka. Pendekatan teori ini pada masa kini lebih tertumpu kepada sifat interaktif bacaan iaitu antara pembaca dengan teks yang dibaca. Dalam konteks ini proses membaca itu adalah untuk membina kefahaman sama ada berdasarkan bahan bercetak dan bahan elektronik.


Selain mengaitkan teks dengan situasi yang hampir dengan kehidupan murid, perancangan yang teliti dalam P&P membaca juga penting untuk mendorong murid memahami teks yang dibaca. Hal ini kerana pendidik yang cekap harus melaksanakan pengajaran dan pembelajaran melalui proses menyusun atau membina pengalaman secara berterusan. Penyertaan pembaca di dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran penting untuk memastikan mereka boleh berinteraksi dengan teks yang dibaca dan memahami teks tersebut (Brooks & Books, 1999).

Berdasarkan kerangka PISA 2018 definisi kemahiran literasi bacaan telah diperluaskan merangkumi pemahaman bacaan iaitu tafsiran tersurat/maksud sebenar, integrasi antara ayat, menghuraikan maklumat daripada sesuatu tema, membuat infrens, dan keperluan untuk mengekses pelbagai kemahiran asas untuk mengatasi masalah komunikasi. Oleh itu pembinaan Modul HEBAT Bacaan ini mengambil kira semua aspek yang dinilai dalam literasi bacaan dan pemilihan tema serta bahan yang digunakan juga mengikut tahap kemampuan murid. Hal ini penting agar pelaksanaan

modul ini memberi nilai tambah kepada proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu khususnya dalam meningkatkan pencapaian Literasi Bacaan PISA 2018.

Dalam modul ini terdapat hubungan antara domain kognitif dengan domain bacaan yang terdapat dalam PISA. Dalam domain kognitif terdapat enam aras iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan mencipta. Domain bacaan pula terbahagi kepada tiga iaitu akses dan mendapatkan maklumat, mentaksir dan mengintegrasikan maklumat dan menilai serta membuat refleksi terhadap maklumat. Dalam domain kognitif ini dapat diklasifikasikan kepada dua aras kemahiran berfikir iaitu kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Rajah 1 di bawah dapat menjelaskan tentang hubungan antara Domain kognitif dengan domain bacaan.

Berdasarkan Rajah 1 jelas menggambarkan bahawa terdapat hubungan terus antara domain kognitif dengan domain bacaan dalam Modul HEBAT Bacaan. Kedua-dua domain ini menjadi asas kepada pembinaan modul ini. Jika dilihat dalam pembinaan modul ini terdapat 17 tema yang telah ditetapkan dan setiap tema terdapat tiga unit berdasarkan tiga aras yang telah ditentukan mengikut kemampuan dan keupayaan murid di sekolah. Tiga aras tersebut ialah aras permulaan, aras sederhana dan aras lanjutan. Ketiga aras ini ditentukan berdasarkan domain kognitif dan domain bacaan. Oleh itu guru boleh memilih unit dan aras yang disediakan dalam modul ini mengikut kemampuan murid mereka. Pendekatan dan keadah P&P menggunakan modul ini akan lebih terarah dan mencapai objektif yang ditetapkan kerana murid diberikan bahan dan tugasan mengikut keupayaan dan kemampuan sebenar mereka.



Rajah 1. Hubungan domain kognitif dengan domain bacaan dalam Modul HEBAT Bacaan

Nota: KBAT - Kemahiran berfikir aras tinggi, KBAR - Kemahiran berfikir aras rendah

Pendekatan modul yang sesuai dengan kemampuan murid juga akan menggalakkan berlakunya proses kognitif semasa murid membaca teks yang diberikan. Proses kognitif berlaku semasa pengaplikasian modul ini. Murid yang didedahkan dengan penggunaan modul ini akan didorong untuk membaca mengikut teknik dan strategik yang bersesuaian dengan aras mereka. Berdasarkan modul ini murid akan diberikan teks dalam bentuk tulisan atau grafik mengikut aras yang telah dipilih oleh guru. Berpandu kepada modul yang diberikan guru akan mendorong murid menggunakan teknik dan strategik yang sesuai. Penggunaan teknik dan strategik semasa membaca melibatkan proses kognitif iaitu tindak balas antara teks yang dibaca dengan maklumat dalam ingatan jangka pendek atau ingatan jangka panjang yang terdapat dalam minda murid. Leslie, (2006)

menyatakan membaca melibatkan proses kognitif yang menekankan tentang aspek pengecaman dan interpretasi pembaca terhadap bahan bercetak atau bertulis. Strategik kognitif yang digunakan oleh murid semasa membaca juga turut mempengaruhi kefahaman membaca seseorang murid, *National Reading Panel* (2000; 2016) melaporkan bahawa penggunaan strategi-strategi kognitif juga menjadi salah satu faktor peningkatan kemahiran pemahaman bacaan.

Modul HEBAT Bacaan yang mesra murid ini juga mendorong murid untuk berfikir aras tinggi berdasarkan soalan-soalan yang dikemukakan setelah mereka selesai membaca teks yang diberikan. Guru boleh mengkategorikan tahap kefahaman membaca mereka berdasarkan domain kognitif dan domain bacaan seperti dalam rajah 1. Hal ini kerana penggunaan modul ini secara konsisten, mengikut tema, unit dan aras yang ditetap berdasarkan kemampuan murid akan membantu mereka untuk memahami teks yang dibaca dan secara tidak langsung telah mengaplikasikan KBAT dalam kemahiran membaca. Bagi memastikan KBAT ini dapat diaplikasikan semasa P&P, maka dalam modul ini turut disertakan panduan pengajaran dan bahan pengajaran yang efisien untuk kegunaan guru.

Panduan dan bahan pengajaran ini dilengkapkan dengan teknik dan strategi membaca yang sesuai untuk diajar kepada murid. Penggunaan teknik dan strategik membaca ini turut didedahkan kepada guru supaya pelaksanaan modul ini dapat meningkatkan kefahaman membaca dan seterusnya meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Oleh itu dalam pelaksanaan modul ini di sekolah guru juga perlu mendedahkan teknik dan strategik membaca mengikut kesesuaian murid. Teknik dan strategik yang sesuai akan memberi impak yang positif kepada pemahaman murid. Hal ini kerana teknik dan strategik yang digunakan melibatkan proses kognitif iaitu keupayaan murid menghubungkan maklumat sedia ada sama ada dari aspek kosa kata, pengetahuan ataupun strategik yang digunakan semasa membaca dan memahami sesuatu teks. Keupayaan murid menggunakan strategik kognitif yang baik akan meningkatkan kefahaman membaca mereka. Hal ini kerana kemahiran membaca dan memahami melibatkan proses mental yang akan menjurus kepada kemampuan murid-murid dalam membina, mentafsir dan menilai sesuatu perkara yang dibaca (Marohaini Yusoff, 1989). Raymond (2000) pula menyatakan bahawa proses seseorang itu membaca dan memahami akan menggunakan akal yang dinamakan proses akaliah. Proses akaliah yang berlaku berinteraksi dengan rangsangan baru berdasarkan dengan pengetahuan sedia ada pembaca.

Pemilihan teks dalam modul ini juga penting kerana teks yang sesuai dengan aras kemampuan dan pengetahuan sedia ada mereka akan memudahkan proses pemahaman teks yang dibaca. Dalam modul ini telah disediakan bahan dan aktiviti P&P mengikut tema berdasarkan unit dan aras kemampuan murid. Oleh itu, guru perlu memilih tema, unit dan aras yang dekat dengan pengetahuan dan kemampuan murid. Pemilihan bahan dan aktiviti P&P yang sesuai penting kerana murid atau pembaca akan bertindak aktif sekiranya bahan bacaan tersebut dekat dengan pengetahuan sedia ada mereka. Zulkifley Hamid (2007) menjelaskan bahawa proses P&P membaca merupakan proses yang bersifat aktif. Proses tersebut akan melibatkan tiga jenis ingatan iaitu ingatan deria, ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang yang perlu berinteraksi secara seimbang dalam mentafsir maklumat yang dibaca. Sekiranya maklumat yang dibaca diganggu dengan penggunaan kosa kata yang tidak terdapat dalam ingatan deria, ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang perkara ini akan menganggu proses membaca dan memahami teks tersebut. Silva dan Cain (2015) mendapati bahawa kosa kata adalah salah satu elemen yang penting dalam membuat ramalan terhadap sesuatu teks yang dibaca. Sekiranya kosa kata seorang murid terhad, maka kebolehan meramal maksud sesuatu teks itu juga turut terbatas. Hal ini juga turut mempengaruhi tahap kefahaman membaca murid tersebut. Selain daripada kosa kata,

Oleh itu, dalam pemikiran modul HEBAT Bacaan ini dapat dijalaskan bahawa pemilihan bahan adalah berdasarkan tema yang telah ditetapkan. Setiap tema disediakan tiga unit berdasarkan tiga aras iaitu aras permulaan, aras pertengahan dan aras lanjutan. Penentuan unit dan aras ini berdasarkan dua domain iaitu domain kognitif dan domain bacaan. Kedua-dua domain ini menjadi kerangka kepada penghasilan modul ini.

## **Kebolehlaksanaan Modul HEBAT Bacaan**

Modul HEBAT Bacaan ini dihasilkan untuk membantu guru dalam melaksanakan P&P membaca di dalam kelas. Kebolehlaksanaan modul ini bergantung kepada kefahaman guru dalam merancang P&P membaca menggunakan Modul HEBAT Bacaan dalam waktu pengajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, dalam penghasilan Modul HEBAT Bacaan ini aspek yang ditekankan ialah kesesuaian dan kebolehlaksanaan modul tersebut dalam P&P Bahasa Melayu. Dalam P&P membaca kesesuaian teks yang digunakan mestilah mengikut aras kemampuan murid. Halim Arifin (2013) menyatakan pemilihan bahan bacaan yang sesuai dengan murid sebelum P&P membaca akan mendorong pengembangan kemahiran berfikir dalam dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

Oleh itu, dalam modul ini kesesuaian bermaksud pemilihan bahan bercetak dan bahan elektronik yang digunakan dalam modul perlulah sesuai dan menggalakkan interaksi antara pembaca dengan teks yang dibaca. Interaksi yang positif ini boleh merangsang kognitif pembaca untuk memahami serta menaakul teks yang dibaca. Hal ini kerana kemahiran membaca dan memahami merupakan suatu proses menaakul maklumat baru yang didapati daripada bahan bacaan (Gillet dan Tample, 1994). Oleh itu, pemilihan sesuatu teks itu perlulah berkait rapat dengan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid. Pengalaman dan pengetahuan sedia ada itu akan membantu murid-murid membuat tekaan terhadap isi kandungan teks. Selain itu, pengalaman dan pengetahuan sedia ada tentang isi bacaan juga dapat memberi kesan input terhadap pemahaman awal sesuatu ilmu pengetahuan (Grohe & Segoyfin, 2000; Hirschman et.al. 1999; Lehnert et.al.1978).

Selain pemilihan bahan yang sesuai, kebolehlaksanaan modul oleh guru Bahasa Melayu juga perlu diberi perhatian. Kebolehlaksanaan modul ini penting bagi memastikan modul yang dihasilkan bermanfaat serta mempunyai nilai tambah kepada P&P membaca Bahasa Melayu. Bagi memastikan sesuatu modul itu dapat dilaksanakan dengan berkesan, panduan atau manual pelaksanaan perlu disediakan bagi memastikan proses pelaksanaan dapat dilakukan dengan sistematis dan berkesan. Ishak Haron (2005), menyatakan aktiviti P&P guru di sekolah juga didapati mempengaruhi kemahiran membaca dan memahami murid. Oleh itu BPK telah menyediakan modul ini berdasarkan kesesuaian teks dan keperluan tahap murid.

Modul HEBAT Bacaan telah dibangunkan menggunakan pendekatan bertema. Terdapat 20 tema dalam modul ini dan setiap modul mempunyai panduan pengajaran, bahan pengajaran, projek penilaian pembelajaran dan item ala PISA. Tema yang terdapat dalam Modul ini ialah Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Sejarah dan Warisan, Pelancongan, Integriti, Jati Diri, Patriotisme dan kewarganegaraan, Kerjaya, Keselamatan, Kesihatan dan Kebersihan, Ekonomi dan Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan, Pendidikan, Pentadbiran dan Politik, Perindustrian, Perpaduan, Pertanian, Penternakan dan Perikanan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Bahasa dan Kesusteraan, dan Sukan dan Rekreasi. Setiap modul juga disediakan tiga aras berdasarkan kemampuan murid iaitu aras permulaan, aras sederhana dan aras lanjutan. Penentuan aras dan strategi P&P yang sesuai akan membantu murid untuk memahami teks yang dibaca dengan lebih baik. Pemilihan kaedah dan strategi P&P membaca yang sesuai mempengaruhi tahap kefahaman membaca murid (Abdul Jalil Othman et.al., 2013; Irwin J.W, 1991).

Oleh itu, bagi memastikan modul ini dapat dilaksanakan dalam P&P Bahasa Melayu maka BPK telah menyediakan panduan pengajaran dan bahan pengajaran yang bertujuan untuk membantu guru merancang P&P di dalam kelas. Panduan pengajaran dan bahan pengajaran yang diadun dengan kreativiti guru berdasarkan aras kemampuan murid akan menghasilkan P&P yang menarik di dalam kelas. Elemen ini penting untuk memastikan Modul HEBAT Bacaan ini bermakna dan bermanfaat kepada murid dalam meningkatkan literasi bacaan mereka. Isahak Haron, (1990) menyatakan program-program intervensi yang dirancang bagi membendung masalah membaca dan memahami lebih mengutamakan kepelbagaian kaedah dan aktiviti untuk digunakan dalam P&P guru. Saiful Haq dan Nor Aina Dani (2006) juga sependapat dan bersetuju bahawa aspek kepelbagaian kaedah dan aktiviti P&P guru memainkan peranan penting dalam proses membaca dan memahami murid. Kekreatifan guru merancang dan mewujudkan kepelbagaian P&P membaca dan memahami memberi impak kepada penguasaan murid. Lewis (1991) pula menyatakan bahawa peranan guru adalah merancang dan mempelbagaikan kaedah dan aktiviti P&P membaca dan memahami mengikut situasi murid.

Modul HEBAT bacaan ini digunakan semasa P&P mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu hingga Tingkatan Empat. Terdapat tiga aras yang disediakan dalam modul ini iaitu aras permulaan, sederhana dan lanjutan. Setiap aras dalam modul ini disediakan panduan pengajaran dan bahan pengajaran yang boleh digunakan oleh guru untuk P&P di dalam kelas. Guru perlu memilih satu daripada tiga aras Modul HEBAT berdasarkan kesesuaian, keupayaan murid dan waktu P&P. Modul ini juga boleh boleh disesuaikan dengan kemahiran dalam Kurikulum Bahasa Melayu. Oleh itu, guru Bahasa Melayu perlu mempunyai kreativiti bagi memastikan pelaksanaan Modul HEBAT Bacaan ini.

Selain disediakan panduan pengajaran dan bahan pengajaran berdasarkan tema yang ditetapkan. Kandungan modul ini terdiri daripada strategi pengajaran dan pembelajaran, cadangan aktiviti, bahan rangsangan dan simulasi, projek penilaian pembelajaran serta item pentaksiran. Strategi Pengajaran dan Pembelajaran dalam modul ini 20 modul berdasarkan tema yang telah ditetapkan, dan setiap tema itu pula disusun berdasarkan 3 unit dan 3 aras. Maklumat yang terkandung dalam strategi P&P ini ialah tema, tajuk, objektif, strategi/pendekatan Abad 21, media, situasi, format teks, jenis teks dan proses kognitif. Maklumat yang ditulis di dalam strategi P&P perlulah dirancang dengan teliti dan sistematis agar objektif tercapai dan murid memahami teks dibaca.

Cadangan aktiviti dalam modul ini merupakan aktiviti yang dirancang untuk menguji keupayaan seseorang individu memahami, menggunakan, menilai, membuat refleksi dan melibatkan diri dengan teks untuk mencapai satu matlamat, memperkembangkan pengetahuan serta potensi seseorang serta penglibatan dalam masyarakat. walau bagaimanpun guru boleh melaksanakan modul mengikut kreativiti mereka. Candangan aktiviti ini hanya sebagai panduan kepada guru. Panduan yang disediakan ini telah membantu guru untuk mendapatkan idea yang kreatif dan kritis untuk disesuaikan dengan kemampuan murid atau pembaca.

Penyediaan bahan rangsangan atau stimulasi dalam bentuk power point juga memudahkan pelaksanaan modul ini dalam kalangan guru. Bahan-bahan rangsangan adalah seperti lirik lagu, keratan akhbar, gambar, grafik dan lain-lain bahan yang bersesuaian dengan modul dan unit seperti dalam strategi P&P dan cadangan aktiviti. Keistimewaan ini menjadi P&P membaca berdasarkan modul ini lebih menarik dan sesuai dengan aras dan kemampuan murid.

Setelah selesai mengikuti ketiga-tiga unit dalam Modul HEBAT Bacaan ini akan disediakan dengan projek penilaian pembelajaran. Maklumat yang terdapat di dalam projek penilaian ialah tema, tajuk, objektif dan tugasan. Projek penilaian pembelajaran ini merupakan aktiviti refleksi guru kepada murid terhadap P&P membaca berdasarkan modul yang diberikan. Projek penilaian pembelajaran ini akan dinilai oleh rakan sebaya dengan mengisi borang penilaian rakan sebaya. Borang penilaian rakan sebaya ini mempunyai empat aspek penilaian iaitu kandungan maklumat, kesesuaian ilustrasi, warna dan gambar, susunan maklumat, dan bahasa. Setiap aspek penilaian disediakan ruang untuk diberi komen dan cadangan penambahbaikan. Berdasarkan projek penilaian ini guru mata pelajaran Bahasa Melayu boleh membuat tafsiran tentang penguasaan bacaan murid berdasarkan modul yang digunakan. Sekiranya murid mendapat penilaian cemerlang sudah tentu murid telah menguasai kandungan modul tersebut dan maklumat yang terdapat dalam modul tersebut sangat rapat dengan pengalaman mereka. Hal ini kerana pembacaan yang bermakna bermula dengan pengetahuan atau pengalaman sedia ada pembaca (Stanovich, 1994; Brooks & Books, 1999; Marohaini Yusof, 1999; Raymond, 2000; Abdul Jalil Othman, et al, 2012).

Secara kesimpulannya, pembinaan Modul HEBAT Bacaan merupakan satu inisiatif yang terancang dan bersistematis untuk memastikan P&P guru dalam Bahasa Melayu dapat membantu murid membaca dan memahami sesuatu teks dengan berkesan, seterusnya meningkatkan kemahiran membaca dan memahami teks yang dibaca. Penguasaan kemahiran membaca dan memahami ini akan memberi nilai impak yang positif kepada kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) murid. Hal ini kerana penguasaan kemahiran membaca dan memahami membolehkan murid memahami, menaakul dan mengaplikasi maklumat berdasarkan bahan bacaan yang dibaca.

## **Pedagogi Abad Ke21 (PAK21) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Modul HEBAT Bacaan**

Penggunaan Modul HEBAT Bacaan dalam P&P Bahasa Melayu telah mengambil kira PAK21 dan KBAT. Strategi P&P menggunakan Modul HEBAT Bacaan mengandungi strategi atau pendekatan Abad 21. Maklumat yang ditulis di dalam strategi P&P perlulah dirancang dengan teliti dan sistematis agar objektif tercapai dan murid memahami teks dibaca.

Dalam Modul HEBAT Membaca PAK21 dan KBAT ditekan dalam penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berbanding RPH yang ditulis oleh guru berdasarkan surat perkeliling ikhtisas bil.3/1999/jilid XV/(3). Penekanan PAK21 dan KBAT ini memberikan nilai tambah kepada penyediaan rancangan pengajaran harian sedia ada. Jadual 1 menunjukkan perbandingan antara RPH berdasarkan Modul HEBAT Bacaan dengan RPH yang ditetapkan seperti dalam surat pekeliling ikhtisas bil. 3/1999.

Berdasarkan Jadual 1 jelas mengambarkan Modul HEBAT Bacaan mempunyai nilai tambah berbanding RPH sedia ada. Hal ini kerana dalam Modul HEBAT penerapan PAK21 dan KBAT. Modul HEBAT Bacaan ini menekankan elemen PAK21 dan KBAT dalam perancangan aktiviti yang dizahirkan dalam penulisan strategi atau pendekatan abad ke 21. Dalam konteks ini penekanan diberikan kepada teknik bacaan, KBAT, nilai dan pembelajaran abad ke 21. Salah satu elemen P&P yang disenaraikan dalam strategi atau pendekatan abad ke-21 ialah penggunaan Didik Hibur dan Jelajah Pembelajaran Koperatif. Penggunaan didik hibur dalam P&P dan Jelajah Pembelajaran koperatif ini membolehkan kemahiran abad ke 21 iaitu komunikasi, kolaboratif, kemahiran berfikir kreatif dan kritis serta penerapan nilai murni dapat dilaksanakan semasa P&P membaca menggunakan modul ini.

**Jadual 1.** Perbandingan RPH Modul HEBAT Bacaan dengan RPH sedia ada

Maklumat	RPH berdasarkan Modul HEBAT Bacaan	RPH berdasarkan surat perkeliling ikhtisas bil.3/1999
Kandungan RPH	Maklumat yang terkandung dalam RPH adalah berdasarkan tema yang ditetapkan dalam Modul HEBAT Bacaan. RPH yang diberikan dalam modul sebagai strategik P&P mengandungi tema, tajuk, objektif, strategi/pendekatan abad ke 21, media, situasi, format teks, jenis teks, dan proses kognitif.	Merupakan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) yang mengandungi maklumat seperti tajuk, objektif, aktiviti dan refleksi.
Tajuk	Berdasarkan Tema yang terdapat dalam Modul HEBAT Bacaan.	Berdasarkan sukanan pelajaran danuraian sukanan pelajaran
Aktiviti	Berdasarkan strategi / pendekatan abad ke 21. Dalam konteks ini penekanan diberikan kepada teknik bacaan, KBAT, nilai dan pembelajaran abad ke 21.	Menekankan bagaimana untuk mencapai objektif.
Bahan	Modul ini menyediakan semua bahan yang diperlukan berdasarkan tema dan topik yang hendak diajar. Dalam modul ini disediakan media dan teks yang diperlukan mengikut aras keperluan murid. Modul ini juga menekankan proses kognitif yang berlaku semasa P&P.	Bahan disediakan oleh guru mengikut tajuk dan objektif yang ingin dicapai.
Penilaian	Dinilai berdasarkan projek penilaian pembelajaran yang mempunyai empat aspek penilaian iaitu	Dinilai berdasarkan sejauh mana objektif itu dicapai yang

---

kandungan maklumat, kesesuaian ilustrasi, warna dan gambar, susunan maklumat dan bahasa. Setiap aspek penilaian disediakan ruang untuk komen dan cadangan penambahbaikan. Dalam borang penilaian ini terdapat lima skala penilaian iaitu;	diletakkan dalam RPH sebagai refleksi.
a.	1 = Sangat Lemah
b.	2 = Lemah
c.	3 = Sederhana
d.	4 = Baik
e.	5 = Cemerlang

---

Selain penerapan pedagogi abad ke 21, rancangan pengajaran dalam Modul HEBAT Bacaan juga menekankan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penerapan konsep KBAT dalam modul ini dapat dilihat dengan penggunaan kata kerja yang menunjukkan proses KBAT itu berlaku semasa P&P Bahasa Melayu. Antara contoh kata kerja yang terdapat dalam Modul HEBAT Bacaan ialah mengaplikasi dan menilai. Kata kerja ini mendorong pembaca melakukan proses KBAT semasa membaca teks yang diberikan. Dari aspek kognitif, membaca pada tahap yang tinggi merupakan proses yang aktif kerana pembaca berinteraksi dengan teks untuk melahirkan makna (Carroll, 2000; Safiah Osman, 1990).

Modul HEBAT Bacaan juga cadangan aktiviti untuk digunakan oleh guru semasa P&P Bahasa Melayu, walau bagaimanpun guru boleh melaksanakan modul mengikut kreativiti mereka. Cadangan aktiviti ini hanya sebagai panduan kepada guru. Aktiviti yang dirancang dalam modul ini adalah untuk menguji keupayaan seseorang individu memahami, menggunakan, menilai, membuat refleksi dan melibatkan diri dengan teks untuk mencapai satu matlamat, memperkembangkan pengetahuan serta potensi seseorang serta penglibatan dalam masyarakat.

Modul HEBAT Bacaan ini juga turut menyediakan bahan rangsangan dalam bentuk *powerpoint*. Bahan-bahan rangsangan adalah seperti lirik lagu, keratan akhbar, gambar, grafik dan lain-lain bahan yang bersesuaian dengan modul dan unit seperti dalam strategi P&P dan cadangan aktiviti. Pelaksanaan modul ini lebih menarik adalah dengan adanya projek penilaian pembelajaran. Projek yang diberikan adalah bertujuan untuk membuat penilaian kepada murid selepas selesai mengikuti ketiga-tiga unit dalam setiap modul. Maklumat yang terdapat di dalam projek penilaian ialah tema, tajuk, objektif dan tugas. Selepas selesai penyediaan projek penilaian pembelajaran, projek murid akan dinilai oleh rakan sebaya dengan mengisi borang penilaian rakan sebaya. Borang penilaian rakan sebaya ini mempunyai empat aspek penilaian iaitu kandungan maklumat, kesesuaian ilustrasi, warna dan gambar, susunan maklumat, dan bahasa. Setiap aspek penilaian disediakan ruang untuk komen dan cadangan penambahbaikan.

Berdasarkan kepada pengisian modul ini, jelas menggambarkan bahawa Modul HEBAT Bacaan mencakupi semua aspek iaitu strategik P&P, cadangan aktiviti, penyediaan bahan rangsangan dan simulasi dan projek penilaian pembelajaran. Oleh itu penghasilan modul ini adalah menyeluruh dan menepati tuntutan semasa seperti penekanan PAK21 dan KBAT. Modul ini juga dibina berdasarkan aras keupayaan murid dengan menyediakan tiga unit untuk setiap modul. Hal ini kerana keupayaan untuk memahami sesuatu teks banyak dipengaruhi oleh latar belakang bahan yang dibaca, bahasa yang digunakan, jenis dan panjang sesuatu petikan (Carrell, 1992).

Penerapan PAK21 dan KBAT dalam modul ini menjadikan pelaksanaan P&P terancang, sistematik dan menyeronokkan. Hal ini turut mendorong murid untuk membuat analisis terhadap teks yang dibaca. Analisis teks ini akan menyebabkan berlakunya proses membaca yang melibatkan interaksi pembaca dengan teks dan melibatkan proses kognitif. Leslie (2001) juga menyatakan proses membaca merupakan satu proses kognitif yang menekankan aspek pengecaman, membuat interpretasi, dan persepsi terhadap bahan bercetak atau bertulis. Kidd & Greene, (2001) pula menyatakan membaca melibatkan proses berkomunikasi daripada penulis kepada pembaca.

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam modul HEBAT Bacaan ini dapat dilihat berdasarkan interaksi murid dengan teks yang diberikan. Berdasarkan teks tersebut, murid akan mengekses dan mendapatkan maklumat, mentafsir dan mengintegrasikan maklumat dan seterusnya menilai dan membuat refleksi terhadap maklumat yang dibaca. Oleh itu, bagi mencapai matlamat tersebut KPM telah menyediakan modul ini dengan strategi KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian untuk mendorong murid menggunakan KBAT dalam proses memahami teks yang dibaca. Strategi KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran yang ditekankan dalam modul ini ialah penggunaan alat berfikir, mengubah jenis tugas kepada yang mencabar fikiran, pendekatan pengajaran yang pelbagai, komunikasi dan motivasi yang berkesan, pelibatan aktif dan kolaboratif, persekitaran yang mendorong untuk berfikir, peluang mencipta dan mentaksir pencapaian berfikir.

Modul ini juga memperkenalkan teknik bacaan dan strategik bacaan yang boleh digunakan oleh guru dan murid dalam meningkatkan KBAT dalam bacaan. Hal ini seajar dengan *National Reading Panel* (NRP) (2000, 2016) telah mencadangkan bahawa guru yang mengajar secara eksplisit strategi-strategi kefahaman membaca adalah amat baik sekali (Biancarosa & Snow, 2006; Boardman, Vaughn, Buckley, Reutebuch, Roberts, & Klingner, 2016). Hujah hasil kajian mereka ini telah di sokong oleh seorang pengkaji bacaan tersohor iaitu Ness (2009; 2016). Biancarosa dan Snow (2006) dan juga Boardman, Vaughn, Buckley, Reutebuch, Roberts, dan Klingner (2016) juga berpendapat kaedah paling berkesan ialah dengan mengajar murid sekolah menengah secara eksplisit dan memodelkan strategi-strategi bacaan yang paling baik bagi membolehkan murid mempunyai kemahiran-kemahiran ini (Cartwright dan rakan-rakan, 2010). Oleh itu, manual yang digunakan oleh guru dalam modul ini telah disertakan dengan teknik dan strategi yang sesuai untuk mengajar kemahiran dan kefahaman membaca.

Seperti yang diwar-warkan oleh pihak KPM, untuk murid mencapai tahap KBAT yang diperlukan, seperti ujian PISA (PISA; OECD, 2006), pelajar perlu menilai teks untuk mencari bukti serta membuat pembahasan dalam menilai teks yang dibaca seperti menilai keesahan dan kebolehpercayaan teks dengan mengaitkannya dengan pengetahuan latarbelakang sosial yang luas (Goldman & Scardamalia, 2013; Lee & Spratley, 2010; Shanahan & Shanahan, 2008). Oleh yang demikian, kaedah pengajaran adalah perlu bagi menangani isu pemahaman bacaan dalam kalangan murid sekolah menengah.

Secara kesimpulannya, P&P guru yang bersistematik dan pemilihan bahan bacaan yang bersesuaian akan dapat membantu murid membaca dan memahami sesuatu teks dengan berkesan. Hal ini disokong oleh Irwin J.W (1991) menyatakan bahawa strategi P&P membaca yang sesuai banyak mempengaruhi tahap pemahaman membaca murid-murid. Beliau turut menekankan bahawa kaedah dan aktiviti P&P memainkan peranan yang penting dalam kemahiran membaca dan memahami.

## Rumusan

Secara keseluruhannya Modul HEBAT bacaan ini merupakan intrvensi KPM untuk membantu guru-guru Bahasa Melayu dengan memperkenalkan pelbagai strategik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk diaplikasikan di dalam kelas mengikut kesesuaian tahap pengauasaan murid. Penghasilan modul ini memberi nilai tambah kepada guru untuk berkreatif dengan pedagogi abad ke 21 dan seterusnya merangsang pemikiran murid-murid ke arah KBAT.

Pendekatan Modul yang mempunyai tiga aras bagi setiap tema membolehkan guru merancang P&P dengan lebih sistematik dan tersusun mengikut kemampuan murid. Perancangan P&P yang sistematik dan baik penting dalam memastikan kejayaan penguasaan kemahiran literasi murid dalam pelajaran bahasa. Pengajaran dan pembelajaran yang baik oleh guru juga turut memberi kesan kepada murid dalam meningkatkan keupayaan membaca dan menulis (Abdul Jalil Othman et. al., 2011).

Pembinaan modul ini juga selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menekan lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid. Dalam aspirasi sistem pembinaan modul ini sebagai satu inisiatif untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara dalam kelompok

sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti PISA dalam tempoh 15 tahun. Modul ini juga mencakupi enam aspirasi murid terutamanya kemahiran berfikir. Berdasarkan modul kemahiran berfikir ini diterapkan di dalam strategi pengajaran. Dalam strategi pengajaran KBAT ditekan sebagai salah satu elemen yang perlu dilakukan oleh guru semasa P&P membaca dilaksanakan. Oleh itu, pelaksanaan yang betul mengikut panduan yang diberikan akan memberi impak yang positif kepada literasi bacaan murid.

## Rujukan

- Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Ghazali Darussalam dan Saedah Siraj. (2011). Cabaran Guru Program LINUS dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa. *Jurnal Masalah Pendidikan* Bil. 34. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 37-51.
- Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Rahmad Sukur Abd Samad, Ghazali Darusalam, Shanina Sharatol. (2012). Application of constructivism learning in guided essay writing. *Journal Issues in Education*, Vol. 35. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 136-146.
- Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud, Chin Hai Leng, dan Ghazali Darusalam. (2013). Daya saing Bahasa Melayu dalam transformasi kurikulum di Malaysia. *Jurnal Isu dalam Pendidikan*, Jld. 37. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 287-305.
- Biancarosa, C., & Snow, C. E. (2006). *Reading next – A vision for action and research in middle and high school literacy: A report to Carnegie Corporation of New York* (2nd ed.). Washington, DC: Alliance for Excellent Education.
- Boardman, A. G., Vaughn, S. R., Buckley, P. Reutebuch, C., Roberts, G., & Klingner, J.K. (2016). Collaborative strategic reading for students with learning disabilities in upper elementary classrooms. *Exceptional Children*, 82, 409-427.
- Brooks, J.G., and Books, M.G. (1999). *The courage to be constructivist*. Educational Leadership, 57(3), 23-25.
- Carrell, O. (1992). Awareness of text structure: Effect on recall. *Language Learning*, 42, 1-20.
- Cartwright, K. B., Marshall, T. R., Dandy, K. L., & Isaac, M. C. (2010). The development of graphophonological semantic cognitive flexibility and its contribution to reading comprehension in beginning readers. *Journal of Cognition and Development*, 11 (1), 61-85.
- Chang Lee Hoon, Mohd Faris Dziauddin, Baharuddin Jabar, Mohd Noor Daud, Nurul Firdauz Abd Rahman dan Zainuddin Othman. (2014). Social science literacy among form four student in Malaysian secondary schools. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, Vol. 4, No. 2, December 2014, 59-72.
- Goldman, S. R., & Scardamalia, M. (2013). *Managing, understanding, applying, and creating knowledge in the information age: Next-generation challenges and opportunities*. Cognition and Instruction, 31, 255–269.
- Grohe, M., & Segoyfin, L. (2000). *On First order Topologies Queries*. 15<sup>th</sup> Annual IEEE symposium on logic in computer Science (LICS '00): 349-361.
- Halim Arifin. (2013). *Kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan).Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Hirschman, Lynette, Marc Light, Eric Breck, John D. Burger. (1999). Deep Read: A Reading Comprehension System. *In proceedings of the 37<sup>th</sup> Annual meeting of the association for computational linguistics (COLING-96)*. Copenhagen Denmark the internasional committee on computational linguistics.
- Irwin J.W. (1991). *Teaching reading comprehension process*. (2<sup>nd</sup> ed.). Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Ishak Haron. (2005). *Pengalaman mengajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris*. Pt: Mohd. Syariefudin Abdullah et.al. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. Hlm. 59-68.
- Kidd, V.S. and Greene, B.E. (2002). *Comprehension instruction: Beyond strategies*. Reading Teachers, 55(7), 672-676.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Panduan penggunaan bahan sumber HEBAT bacaan Bahasa Melayu*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Laporan Tahunan 2016 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan: Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *PISA 2015. Programme for International Student Assessment*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan: Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1999). Surat Perkeliling Ikhtisas Bil. 3/1999: KP(BS) 8591/ Jilid XV/ (3).

- Lehnert & Wendy, G. (1978). *The Process of question answering: computer simulation of cognition*. Hillsdale: L. Erlbaum Associates.
- Lee, C. D., & Spratley, A. (2010). *Reading in the disciplines: The challenges of adolescent literacy*. New York, NY: Carnegie Corporation of New York.
- Leslie, L. & Caldwell, J. (2006). *Qualitative reading inventory-4*. Boston: Pearson Education.
- Lewis, J. (1991). Redefining criticalreading for college critical thinking course. *Journal of Reading* 34(6):420-423.
- Marohaini Yusoff. (1989). *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ness, M. K. (2009). *Reading comprehension strategy instruction in secondary content area classrooms: Teachers' use of and attitudes toward reading comprehension instruction*. *Reading Horizons*, 49, 143-166.
- Ness, M. K. (2016). *Reading comprehension strategies in secondary content area classrooms*.
- Raymond. E. (2000). *Cognitive Characteristics. Learners with Mild Disabilities* Needham Heights, MA: Allyn & Bacon, New York: A Pearson Education Company.
- Safiah Osman. (1990). *Kanak-kanak dan pembacaan dlm. Membaca: Satu Pengenalan*. (Safiah Osman, Ed.): 20-45. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Shanahan, T., & Shanahan, C. (2008). *Teaching disciplinary literacy to adolescents: Rethinking content-area literacy*. *Harvard Educational Review*, 78, 40-59.
- Silva, M., & Cain, K. (2015). The relations between lower and higher-level comprehension skills and their role in prediction of early reading comprehension. *Journal of Educational Psychology*, 107(2), 321-331.
- Zulkifley Hamid. (2007). *Aplikasi psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Publishing sdn. Bhd.